

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

HSA 101 - Pengantar Sejarah

Tarikh: 29 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab **EMPAT(4)** soalan. **DUA(2)** soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA(2) soalan

1. "Sejarah adalah gambaran masa lalu tentang manusia dan sekitarnya sebagai makhluk sosial, yang disusun secara ilmiah dan lengkap, meliputi urutan fakta masa tersebut dengan tafsiran dan penjelasan, yang memberi pengertian dan kefahaman tentang apa yang telah berlaku itu" (Sidi Gazalba). Berikan ulasan.
2. Mengapakah gambaran ahli sejarah mengenai sesuatu kejadian adalah berasaskan hubungannya yang kritis dengan bukti sejarah?
3. "Sejarah tidak akan mencapai unsur keobjektivan sebab manusia mengkaji diri sendiri". Setujukah anda? Berikan penjelasan.
4. "Pengadilan moral adalah tidak relevan kepada penyiasatan sejarah dan haruslah dikikiskan daripada penulisan sejarah" (H. Butterfield). Bincangkan.

BAHAGIAN B - Jawab DUA(2) soalan

5. Dengan merujuk kepada Thucydides dan ahli sejarah moden, apakah kelemahan dan kekuatan yang wujud dalam demokrasi Athens pada kurun ke-5 S.M.?

.../2

6. Sejauh manakah dapat dipertahankan interpretasi G.B. Grundy bahawa persaingan ekonomi antara Athens dan Sparta adalah sebab utama yang mencetuskan Perang Peloponnesia?
7. Apakah perkembangan sosio-ekonomi yang akhirnya menjadikan Bahagian Barat Empayar Rom berbeza daripada Bahagian Timur Empayar Rom?
8. Sejauh manakah kemunculan Eropah Barat sehingga kurun ke-8 T.M. boleh dianggap sebagai persinambungan daripada tamadun Rom?

-ooo000ooo-